

Headline	Jemaah haji pertama 27 Ogos		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	20	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,927
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,781



64 penerbangan dijadual berlepas di lapangan terbang di seluruh negara

Jemaah haji pertama 27 Ogos

MEKAH 30 Jun - Perierbangan pertama jemaah Haji Malaysia yang membawa 22,320 jemaah ke tanah suci tahun ini dijadualkan pada 27 Ogos dan berakhir pada 27 September.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, sebanyak 64 penerbangan dijadual berlepas menggunakan lapangan terbang di seluruh negara.

Manakala, penerbangan pulang jemaah haji ke Malaysia pula dijadualkan pada 10 Oktober dan penerbangan akhir pada 8 November," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan Tabung Haji untuk musim haji 2014, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail dan Konsul Haji, Ridzuan Sabarudin.

Abdul Azeez berkata, berbeza pada tahun lalu, Tabung Haji meningkatkan kos keseluruhan subsidi berjumlah RM130 juta berbanding RM100 juta tahun lalu.

"Kos haji bagi setiap jemaah kekal pada kadar RM9,998 seorang, namun subsidi yang ditanggung Tabung Haji meningkat RM5,575 pada tahun lalu kepada RM6,175 pada tahun ini.

"Ia adalah berikutan peningkatan kos pengangkutan, penginapan dan makanan di tanah suci," katanya.

Dalam pada itu, Azeez berkata, pihaknya telah melakukan persiapan awal yang melibatkan pengangkutan, penginapan, makanan dan kesihatan bagi keselesaan jemaah haji.

"Bagi keselesaan jemaah haji, kita telah membuat persediaan dengan memfokuskan kepada empat aspek. Dari aspek kesihatan jemaah tidak perlu bimbang kerana Tabung Haji menyediakan sebanyak 255 pasukan kesihatan yang terdiri daripada pakar, doktor dan petugas kesihatan ditugaskan di tiga pusat kesihatan kendalian

tabung haji,

"Manakala sistem pengangkutan juga akan ditambah baik supaya lebih teratur dan sistematik dengan menyediakan lebih 700 bas bagi membawa jemaah haji sepanjang di tanah suci," katanya.

Tambahnya, penginapan jemaah di Madinah adalah 200 meter dari Masjid Nabawi, manakala di Mekah, penginapan jemaah haji adalah 1,000 meter dari Masjidil Haram.

Manakala sistem pengangkutan juga akan ditambah baik supaya lebih teratur dan sistematik dengan menyediakan lebih 700 bas bagi membawa jemaah haji sepanjang di tanah suci

ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM
Pengerusi Lembaga Tabung Haji



MOHD. SHAH CHE AHMAD
Melaporkan dari
MEKAH